

Jamin lantik Kabinet bersih, berintegriti

Muhyiddin janji beri keutamaan
tingkat tadbir urus kerajaan

Oleh Mohd Anwar Patho
Rahman, Mohd Iskandar
Ibrahim dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berjanji hanya akan melantik jemaah menteri daripada kalangan pemimpin yang bersih, berintegriti dan berkaliber.

“Saya sedar bahawa apa yang rakyat mahu ialah sebuah kerajaan yang bersih, berintegriti dan bebas rasuah.

“Buat permulaan ini, saya berjanji akan melantik anggota jemaah menteri daripada kalangan individu yang bersih, berintegriti dan berkaliber,” katanya dalam ucapan sulung yang disiarkan secara langsung menerusi rangkaian televisyen dan media sosial, malam tadi.

Muhyiddin berkata, kerajaan

pimpinannya juga akan berusaha memberi keutamaan ke atas usaha meningkatkan integriti dan tadbir urus kerajaan yang baik

“Itu termasuk usaha-usaha untuk membanteras amalan rasuah dan salah guna kuasa dengan meningkatkan penguatkuasaan dan memperkemas undang-undang, peraturan dan amalan yang berkaitan,” katanya.

Presiden BERSATU itu turut meminta rakyat Malaysia supaya memberikannya sedikit masa bagi menetapkan hala tuju kerajaan dan negara di bawah pentadbiran baharu.

“Berikan saya sedikit masa untuk menetapkan garis-garis utama hala tuju kerajaan dan negara di bawah pentadbiran baharu ini yang insya Allah akan dijelaskan kepada rakyat dalam masa terdekat.

“Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang



Muhyiddin menandatangani buku selamat datang dan selamat bertugas di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

**“Berikan saya
sedikit masa
untuk menetapkan
garis-garis utama
hala tuju kerajaan
dan negara di bawah
pentadbiran
baharu ini.**

**Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri**

menghadapi kemelut yang melanda negara dengan sabar dan tenang,” katanya.

Dalam ucapan sepanjang kira-kira 15 minit itu, Muhyiddin yang juga Ahli Parlimen Pagoh turut mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang banyak berjasa kepada negara

Beliau mengakhiri ucapannya dengan meminta seluruh rakyat Malaysia bersatu demi tanah air tercinta

“Bersatu teguh, bercerai roboh.

Bulat air kerana pembentuk, bulat manusia kerana muafakat,” katanya sebelum mengakhiri ucapannya.

Muhyiddin, 72, mengangkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri kelapan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, di Istana Negara, semalam.

Al-Sultan Abdullah memberi perkenan pelantikan Muhyiddin itu selaras dengan Perkara 40(2)(a) dan Perkara 43(2)(a) Perlembagaan Persekutuan.